



يَا أَيُّهَا الْمَدِينَةُ كَلِّتِي دَارَ النَّجِيمِ

YAYASAN KELANTAN DARULNAIM

KENYATAAN TAWARAN SEMULA

1. Tawaran semula adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Taraf Bumiputera) yang masih sah untuk menyertai tawaran seperti berikut:-

**KERJA-KERJA MENGECAT DAN MEMPERINDAH SEMULA BANGUNAN KOMPLEKS
YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN) JALAN GAJAH MATI, KOTA BHARU.**

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	TEMPOH PENJUALAN SEBUT HARGA	LPIPM	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
YKD(S) 1/1/6/2 (14)	24 Mac 2024 (Ahad) 10.00 Pagi Dewan Serbaguna Tingkat 2, Kompleks YAKIN	24/03/2024 Hingga 31/03/2024	Gred : G1 B14	RM10.00	31/03/2024 (Ahad)
*Sila bawa cop syarikat semasa membeli sebut harga					

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan semasa menghadiri sesi taklimat sebutharga :-

- i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
- ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB

Satu salinan fotostat Sijil-sijil Asal bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) dan pengurusan YAKIN berhak menolak permohonan yang pada tanggapan YAKIN tidak layak.


3. Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas dengan mematuhi SOP Covid 19 yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat sebut harga. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / CIDB untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh YAKIN semasa menghadiri taklimat sebut harga.

4. Hanya kontraktor yang menghadiri taklimat sebut harga sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Jika didapati ada syarikat yang tidak menghadiri taklimat sebut harga tetapi membeli dokumen sebut harga, pihak YAKIN berhak menolak permohonan tersebut.
5. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan satu (1) Dokumen Sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja dan sebarang permit kelulusan di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
7. YAKIN tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. YAKIN juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga seperti alamat di bawah :

**YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)
TINGKAT 5, KOMPLEKS YAKIN, JALAN GAJAH MATI,
BANDAR KOTA BHARU, 15000 KOTA BHARU, KELANTAN**

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari.

9. Dokumen sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.



NIK JESSIM BIN TAN SRI NIK HASHIM
Pengarah
Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)